

RABU

26 06  
2019

## S 4 BAHASA MELAYU

Dimensi keluarga

## S 10 SAINS

Aneka soalan KBAT

Nak jadi macam dia lah  
cemerlang dalam pelajaran  
dan aktif kokurikulum.

**BH SKOR**  
 bhskor@bh.com.my

Dia menjadi pelajar  
contoh, berpakaian kemas  
dan berdisiplin.



## Kesan Moral Baik

- Dihormati dan disenangi orang sekeliling
- Menjadi idola contoh kepada individu
- Peluang cerah dipilih mengetuai aktiviti di sekolah
- Memiliki masa depan cerah untuk melanjutkan pelajar ke menara gading
- Dapat memenuhi kriteria sikap yang dicari majikan
- Membanggakan nama keluarga

## Cara Pupuk Moral

- Setiap individu mengutamakan sikap hormat-menghormati, percaya-mempercayai dan bersangka baik
- Melalui didikan asas diberikan ibu bapa di rumah
- Sekolah perlu memainkan peranan memperkuatkan moral pelajar
- Masyarakat boleh menganjurkan aktiviti bersesuaian untuk memupuk moral
- Bijak mengendalikan perkembangan media sosial
- Mengutamakan etika kehidupan yang betul untuk berurusan dengan orang lain

➔ Bolehkan pelajar diterima orang sekeliling, dorong kejayaan, berpenampilan berhemah

Oleh Faizatul Farhana Farush Khan  
ffarhana@bh.com.my

Kuala Lumpur

Penerapan moral harus bermula sejak seseorang individu itu masih kecil

kerana nilai berkenaan berperanan sebagai penanda aras untuk menentukan sejauh mana akhlak mereka apabila dewasa.

Etika kemanusiaan itu seharusnya menjadi pegangan kukuh setiap pelajar kerana memudahkan mereka diter-

ma baik orang sekeliling, mendorong pencapaian kehidupan dan menonjolkan penampilan berhemah.

Kepentingan moral menyaksikan nilai itu bukan sahaja diterapkan ibu bapa sejak di rumah, tetapi juga menjadi asas pendidikan di sekolah

dan dititikberatkan sebagai syarat mencebur kerjaya.

Moral meliputi bagaimana seseorang pelajar itu menunjukkan perasaan, tingkah laku, kemahiran berkomunikasi lisani dan cara menulis sama ada secara berdepan atau di sebalik skrin gajet.

S2

MEMBIMBING  
KE ARAH  
KEMAHIRAN  
BERFIKIR  
ARAS TINGGI  
(KBAT)

# SKOR

Oleh Zaharah Mohd Yusop  
bhskor@bh.com.my

## Bahasa Melayu (Kertas 1)

## DIMENSI KELUARGA

Umumnya, karangan **Bahagian B, Soalan 2**, dikaitkan dengan soalan **dimensi keluarga**. Soalan ini, memfokuskan isu-isu yang ada kaitan dengan keluarga seperti peranan atau tanggungjawab ibu bapa terhadap anak-anak. Walau bagaimanapun, soalan dimensi keluarga ini bukanlah satu kemestian kerana ada ketikanya **Soalan 2** ini juga menyentuh peranan dan tanggungjawab pihak lain seperti sekolah.

**Contoh soalan peperiksaan:**

SPM 2017	Sekolah turut berperanan dalam pemupukan amalan cinta akan alam sekitar dalam diri pelajar. Huraikan peranan sekolah dalam pemupukan amalan tersebut dalam diri pelajar.
SPM 2018	Ibu bapa perlu pupuk sikap hormat-menghormati antara kaum dalam diri anak-anak sejak kecil lagi. Ulas pernyataan tersebut.
JUN 2018	Setiap keluarga disaran mengamalkan sikap berjimat cermat dalam kehidupan. Huraikan pendapat anda cara-cara berjimat cermat.

### Karangan contoh

Penggunaan alat teknologi banyak memberikan kebaikan dan juga keburukan dalam kalangan remaja hari ini.

Huraikan peranan ibu bapa dalam usaha memastikan anak-anak menggunakan alat teknologi ke arah kebaikan.

### Analisis soalan

Tema	Penggunaan alat teknologi
Isu / Perkara	Banyak memberikan kebaikan dan juga keburukan dalam kalangan remaja
Arah	Huraikan peranan ibu bapa
Format	Tiada

### Rangka karangan

Pendahuluan	Anak-anak hari ini sudah dideakah oleh penggunaan teknologi – pelbagai peranti seolah-olah satu kemestian – perkara positif dan negatif akan dilihat dan dipelajari – ibu bapa memainkan peranan yang utama.
Idea	<ul style="list-style-type: none"> <li>(i) Pendidikan agama sebagai benteng – didik anak lihat perkara yang baik – bezakan yang baik dengan yang buruk – beritahu kesan jika melihat, membaca perkara yang tidak sesuai – anak gunakan teknologi dengan penuh tanggungjawab.</li> <li>(ii) Sediakan perisian pembelajaran yang bermanfaat – beli perisian interaktif – galakkan pembelajaran secara dalam talian – hiburan dengan permainan yang berbentuk pembelajaran.</li> <li>(iii) Ambil tahu dan pantau aktiviti alam siber anak-anak – jangan biarkan layari Internet sendirian terlalu lama – berikan nasihat atau tegur jika anak leka – memantau aktiviti anak-anak – hadkan penggunaan.</li> <li>(iv) Beli perisian keselamatan atau sediakan sekatan ke laman web tertentu – beli perisian yang halang anak masuk ke laman tidak berfaedah – anak-anak akan faham tindakan ibu bapa.</li> <li>(v) Berikan panduan menggunakan teknologi dengan betul – berbincang tentang baik buruk teknologi dari segi kesihatan, kerja dan risiko yang lain.</li> </ul>
Penutup	Penggunaan teknologi tidak mampu dihalang – satu klik, anak-anak mampu akses seluruh alam – peranan ibu bapa tetap signifikan – anak-anak masih perlu dibimbing – penggunaan yang betul lahirkan generasi terbilang.

### Karangan contoh

Anak-anak hari ini sudah dideakah oleh penggunaan teknologi sejak kecil lagi. Hari ini pelbagai peranti seperti komputer, tablet atau telefon bimbit sudah satu kemestian kepada golongan remaja. Anak-anak boleh dilihat menggunakan alat teknologi ini terutamanya telefon bimbit di dalam kereta, di pasar raya, di kedai makan dan lain-lain. Sesetengah ibu bapa sengaja memberikan anak-anak mereka menggunakan alat teknologi ini bagi memudahkan urusan ibu bapa. Anak-anak remaja ini mempunyai Facebook, Instagram, Twitter, kumpulan WhatsApp, Telegram dan lain-lain. Penggunaan alat teknologi ini menyebabkan mereka terdedah oleh pelbagai perkara yang positif dan yang negatif. Segalanya mungkin akan dipelajari dan ditiru oleh mereka. Besar kemungkinan mereka akan terjebak dalam perkara yang tidak diingini. Oleh yang demikian, sebelum nasi menjadi bubur, ibu bapa memainkan peranan yang utama dalam memastikan anak-anak menggunakan alat teknologi ke arah kebaikan.

Satu daripada peranan utama ibu bapa dalam memastikan anak-anak menggunakan alat teknologi ke arah kebaikan adalah dengan memberikan pendidikan agama dan moral sebagai benteng utama. Ibu bapa perlu menekankan bahawa setiap tindakan ada pembalasannya. Jadi, jika anak-anak ingin mendapat ganjaran pahala, mereka perlu sentiasa dinasihati agar melihat perkara yang baik-baik sahaja. Ibu perlu juga memberitahu kesan buruk jika melihat, mendengar dan membaca perkara yang tidak sesuai. Contohnya, jika anak-anak leka menonton

hiburan yang agak keterlaluan daripada artis luar negara yang mengamalkan pergaularan bebas, dan memakai pakaian yang kurang sopan dalam YouTube. Jika tidak mendapat nasihat ibu bapa, pasti anak-anak berasa hiburan itu tidak salah dari segi adat dan agama. Mungkin mereka akan mencontoh perlakuan itu dan menjadi fanatic dengan artis seperti itu. Hal ini akan menjadikan generasi muda kehilangan jati diri dan hanyut dengan perkara yang melaluikan. Sabda Rasulullah SAW, 'akhlah yang buruk merosakkan amal seperti cuka merosakkan madu'. Oleh itu, pendidikan agama dan moral yang diberikan oleh ibu bapa dapat memastikan anak-anak menggunakan teknologi dengan penuh tanggungjawab.

Bagi anak-anak yang meningkat remaja, elok sekiranya ibu bapa menyediakan perisian pembelajaran yang bermanfaat. Ibu bapa boleh membeli perisian interaktif yang menggalakkan mereka belajar secara dalam talian. Hari ini, banyak pihak menyediakan sistem pembelajaran dalam talian yang dapat meningkatkan ketajaman anak-anak berpikir, membuat latihan, membaca nota dan lain-lain. Sebagai contoh, akbar BH ada menyediakan perisian FullMark untuk calon-calon peperiksaan PT3 dan SPM. Sistem pembelajaran dalam talian ini lebih mudah, lebih dekat dan mesra pengguna. Sesetengah perisian itu pula disampaikan dalam bentuk hiburan dan permainan yang menyeronokkan. Tidak rugi sebenarnya jika ibu bapa menggalakkan anak-anak belajar secara dalam talian ini kerana masing-masing boleh belajar di mana-mana sahaja asalkan mempunyai komputer, tablet atau telefon bimbit yang mempunyai Internet. Jadi, penggunaan perisian pembelajaran mampu menggalakkan remaja menggunakan alat teknologi ke arah kebaikan.

Seterusnya, ibu bapa perlu mengambil tahu atau memantau aktiviti alam siber anak-anak. Anak-anak tidak boleh dibiar melayari Internet sendirian terlalu lama. Keadaan ini mungkin dapat mengganggu kesihatan anak-anak seperti kelelahan, rabun dan penyakit yang lain. Jika perlu, hadkan penggunaannya pada waktu-waktu tertentu sahaja. Sewajarnya, ibu bapa mengambil tahu perkara-perkara yang dilihat oleh anak-anak dalam peranti yang diberikan. Pastikan mereka tidak melayari laman-laman web yang menggalakkan keganasan dan pornografi. Ibu bapa memantau perkara-perkara yang dilihat oleh anak-anak dalam *history* atau sejarah enjin carian Internet. Sebaik-baiknya, cadangkan kepada mereka agar menonton video-video yang memberikan ilmu dan maklumat seperti panduan bertukang, memasak, membuat kraf tangan dan sebagainya. Hal inilah yang sepatutnya dipelajari oleh anak-anak dalam Internet. Jadi, ibu bapa perlu sentiasa memantau aktiviti anak-anak ini agar tidak terjebak dalam kancang kerosakan ibarat kata peribaaha, melentur buluh biarlah dari rebungnya.

Dalam masa yang sama, ibu bapa perlu membeli perisian keselamatan atau menyediakan sendiri sekatan terhadap laman web yang tidak sesuai. Perisian ini dapat menghalang anak masuk ke laman tidak berfaedah. Tidak dinafikan memang ada pihak yang menyalahgunakan alat teknologi ini dengan memaparkan aspek-aspek keganasan, pornografi, jerayah dan sebagainya. Kita bimbang, golongan remaja ini akan terjebak dalam jerayah siber, dibuli, diperdaya oleh ahafaman atau anutan yang bukan-bukan atau ditipu oleh pihak yang tidak bertanggungjawab. Ibu bapa boleh menyekat laman web yang tidak sesuai dengan menggunakan mod carian selamat. Mod carian selamat ini akan menyekat laman-laman web lucu di komputer, peranti Android atau iPhone dan iPad. Sekatan ini akan dapat mengelakkan anak-anak mengakses perkara yang tidak sepatutnya. Oleh itu, anak-anak akan terdidik dengan melihat dan membaca kandungan Internet yang baik-baik sahaja. Secara tidak langsung, ibu bapa akan bersa lebih tenang dan tidak bimbang apabila melihat anak-anak remaja mereka menggunakan alat teknologi tersebut.

Ibu bapa juga sebaik-baiknya mendidik anak-anak cara menggunakan alat teknologi ini dengan betul. Berikan mereka panduan menggunakan teknologi dengan betul. Sebagai contohnya, nasihatkan anak-anak agar tidak mendedahkan butiran peribadi mereka jika diminta. Sekiranya, mempunyai Facebook jangan mudah menerima orang yang tidak dikenali sebagai kenalan. Jangan mudah terpengaruh dengan pelbagai iklan atau promosi perniagaan yang disiarkan dan sebagainya. Ibu bapa juga boleh berbincang dengan anak-anak tentang tema atau syarat-syarat sebelum masuk ke dalam laman web yang tertentu. Jadi, anak-anak tidak akan diperdaya oleh sesuatu laman web yang mungkin menyebabkan anak-anak terjebak dalam dunia jerayah. Ibu bapa perlu kerap mengingatkan anak-anak tentang baik buruk teknologi dari segi kesihatan, kerja dan risiko yang lain. Sikap ibu bapa yang mendidik dengan penuh kasih sayang pasti akan dapat mengelakkan sesuatu yang buruk berlaku terhadap anak-anak seperti kata peribaaha, seadian payung sebelum hujan.

Kesimpulannya, penggunaan teknologi hari ini tidak mampu dihalang kerana sesuai dengan perkembangan masa. Jika kita tidak mengikut arah Revolusi Industri 4.0 ini, pasti generasi dan negara kita akan ketinggalan jauh berbanding dengan negara lain. Penggunaan alat teknologi menjadi pemangkin pembangunan negara. Walau bagaimanapun, bagi anak-anak, penggunaan alat teknologi ini perlu dikawal. Hanya dengan satu klik, anak-anak mampu mengakses hal ehwal seluruh alam. Kesannya, bergantung pada apa-apa yang dilihat, didengar dan yang dibacanya. Oleh itu, peranan ibu bapa sangat signifikan dalam melindungi anak-anak daripada sebarang kerosakan minda dan fizikal hasil daripada pengaruh alat teknologi ini. Anak-anak yang masih di bawah jagaan ibu bapa perlu sentiasa dinasihati dan dibimbing agar dapat melahirkan generasi yang bersahsiah dan terbilang.

### Latihan

Sediakan rangka jawapan untuk soalan yang berikut.

Ibu bapa memainkan peranan penting dalam menyokong hala tuju anak-anak pada masa hadapan. Jelaskan usaha-usaha yang dapat dilakukan oleh ibu bapa untuk menyokong hala tuju anak-anak pada masa hadapan.

## HOTS QUESTIONS

Hi, boys and girls. We meet again after the trial examination. In this issue, you'll be attempting HOTS questions. No worries, they are not as difficult as you've thought. Read carefully and you'll get the answer.

## Multiple Choice Questions



- 1 In the cartoon strip above, what is the boy's problem?  
 A He has lost his mind.  
 B He has lost his watch.  
 C He cannot concentrate on his studies.  
 D He cannot understand his schoolwork.

## 2 Computer Drawn Cartoon Workshop

Give your child a **head start** in the world of computer graphics, colours and cartoons.

Venue: Princess Cartoon World  
Age Group: 12 – 15 years old

The phrase **head start** means  
 A to be a genius.  
 B to think and act wisely.  
 C to acquire computer graphic skills.  
 D to be in a better position than other children.

## 3 Pressed wildflowers to treasure memories!

Pick wildflowers on your jungle trips. Dry them in the sun or in light microwave heat. Place them carefully in old newspapers. Put them under thick books and leave for a few days. You will find beautifully pressed flowers that you can paste on your very own homemade greeting cards. Great, isn't it?

Which of the following best shows the sequence in preparing pressed flowers?  
 A Dry picked flowers – place in newspaper – press under books – use on cards  
 B Place in newspapers – dry picked flowers – use on card – press under books  
 C Dry picked flowers – press under books – place in newspaper – use on cards  
 D Place in newspaper – press under books – dry picked flowers – use on cards

## 4 DAYTIME COOKING BANNED IN INDIA

**PATNA** (India): With sizzling temperatures claiming more than 300 lives this month in India, officials said they were banning daytime cooking in some parts of the drought-stricken country in a bid to prevent accidental fires that have killed nearly 80 more people. Anyone defying the ban, risks up to a year in jail.

From the article, we can conclude that

- A the fire was caused by accidents.  
 B almost 300 people died because of the fire.  
 C the country was banned from daytime cooking.  
 D one can go to prison if one cooks during the day.

## 5 Badminton world No. 1 Axelsen succumbs to Lee on path to Thomas quarters

Bangkok (AFP) - Veteran Malaysian shuttler Lee Chong Wei enacted his revenge on world number one Viktor Axelsen by stunning the Dane in a two-game match in their final group encounter of the Thomas Cup on Wednesday.

Lee, 35, beat the 24-year-old star 21-9, 21-19 in 42 minutes in Bangkok, where the **biennial** badminton tournament is being held alongside the women's Uber Cup.

<https://www.yahoo.com/news/badminton-world-no-1-axelsen-succumbs-lee-path-163053920-spt.html>

The word **biennial** suggests the badminton tournament is held  
 A two days.  
 B fortnightly.  
 C twice a year.  
 D every two years.

## 6 Shima could not sit still. Her hands were cold, her body shivering and she had butterflies in her stomach. She had to deliver a speech in the school hall during assembly. In a few minutes, the master of ceremonies would call her to the rostrum.

From the extract above, we can conclude that Shima was  
 A unwell.  
 B nervous.  
 C frustrated.  
 D uncomfortable.

7

a paradise for nature lovers. Feast your eyes on the mesmerising flora and fauna. Rare species of plants and birds found here will make you want to come back for more.

Based on the information above, the **most** suitable activities here are  
 A diving and hiking  
 B fishing and hunting  
 C swimming and camping  
 D bird-watching and trekking

Teenager David Tan has just put RM19 000 in the bank – after only six months of part-time work as a computer consultant. The (8) \_\_\_\_\_ expert from Ipoh, Perak, is fast establishing a reputation as one of the country's top trouble-shooters – the person to call if no one else (9) \_\_\_\_\_ cope.

For David, 15, his first steps to fame and fortune (10) \_\_\_\_\_ when his parents bought him a computer. It was only about a year ago (11) \_\_\_\_\_ that he decided to get serious about computing. He went to night school to learn how to write business programmes, and did a correspondence course (12) \_\_\_\_\_ an American college.

He can work more quickly than many (13) \_\_\_\_\_ professionals. In one case, he went to a company where a professional programmer worked for six months and could not find the problem. David finished the job in five days and because of (14) \_\_\_\_\_ skill, David has made about RM19000 in a short period of time. With it, he has bought more equipment.

- |              |               |               |               |
|--------------|---------------|---------------|---------------|
| 8 A electric | B electricity | C electrician | D electronics |
| 9 A can      | B will        | C could       | D would       |
| 10 A begin   | B began       | C begun       | D begins      |
| 11 A then    | B that        | C however     | D moreover    |
| 12 A to      | B at          | C for         | D with        |
| 13 A old     | B older       | C elder       | D elderly     |
| 14 A a       | B the         | C this        | D that        |

## Poems

## What Has Happened To Lulu? – Charles Causley

What has happened to Lulu, mother?  
 What has happened to Lu?  
 There's nothing in her bed but an old rag-doll  
 And by its side a shoe.

Why is her window wide, mother,  
 The curtain flapping free,  
 And only a circle on the dusty shelf  
 Where her money-box used to be?

Why do you turn your head, mother,  
 And why do tear drops fall?  
 And why do you crumple that note on the fire  
 And say it is nothing at all?

I woke to voices late last night,  
 I heard an engine roar.  
 Why do you tell me the things I heard  
 Were a dream and nothing more?

I heard somebody cry, mother,  
 In anger or in pain,  
 But now I ask you why, mother,  
 You say it was a gust of rain.

Why do you wander about as though  
 You don't know what to do?  
 What has happened to Lulu, mother?  
 What has happened to Lu?

## Set 1

- (a) In stanza 1, who is asking what has happened to Lulu? [1 mark]  
 (b) (i) How does the persona's mother feel in stanza 2? [1 mark]  
 (ii) From stanza 5, what does the persona mean by a **gust of rain**? [1 mark]  
 (c) What do you think could happen to Lulu? Give a reason for your answer. [2 marks]

## Set 2

- (a) In stanza 1, what are the items Lulu leaves behind? [1 mark]  
 (b) (i) What does the flapping curtain in stanza 2 represent? [1 mark]  
 (ii) In stanza 3, what does the **tear-drops fall** mean in one word? [1 mark]  
 (c) Give 2 messages that this poem conveys. [2 marks]

That's all for this issue. All the best for trying! See you in the next issue!

## Matematik

## SKOR

Oleh Cikgu Rosdin  
bhskor@bh.com.my

## ANEKA SOALAN KBAT

### Contoh 1:

Panjang tali  $P$  ialah  $3.2 \times 10^3$  cm. Panjang tali  $Q$  adalah 8.4 m lebih pendek daripada tali  $P$ . Hitung jumlah panjang, dalam mm, kedua-dua tali itu.

- A  $5.56 \times 10^4$       C  $4.04 \times 10^4$   
 B  $5.56 \times 10^3$       D  $4.04 \times 10^3$

Jawapan: A

### Contoh 2:

Jumlah jualan 50 keping tiket bagi sebuah konsert ialah RM2 080. Harga sekeping tiket ialah RM35 dan RM50.

Cari bilangan tiket harga RM35 dan bilangan tiket harga RM50 yang telah dijual.

### Penyelesaian:

Katakan bilangan tiket harga RM35 =  $x$ , bilangan tiket harga RM50 =  $y$

$$\begin{aligned}x + y &= 50, & 35x + 50y &= 2080 \\35x + 35y &= 1750 & Ganti y = 22 \text{ ke dalam} \\15y &= 330 & x + y &= 50 \\y &= 22 & x + 22 &= 50 \\&& x &= 28\end{aligned}$$

### Latihan

#### Kertas 1

- 1 Encik Zainuddin monthly saving varies directly as the square root of his monthly income. His income in the months of August and September are RM2 500 and RM1 600 respectively. If his savings in August is RM150 more than in September, calculate his savings in September. Wang simpanan bulanan Encik Zainuddin berubah secara langsung dengan punca kuasa dua pendapatan bulannya. Pendapatan beliau pada bulan Ogos dan September masing-masing ialah RM2 500 dan RM1 600.  
 Jika wang simpanannya pada bulan Ogos adalah RM150 lebih daripada bulan September, hitung wang simpanannya pada bulan September.
- A RM450      C RM750  
 B RM600      D RM900

- 2 A box contains 90 pens which consists of black pens and red pens. A pen is chosen at random from the box. The probability of choosing a black pen is  $\frac{2}{3}$ . How many black pens need to be taken out from the box so that the probability of choosing a black pen becomes  $\frac{1}{2}$ ?

Sebuah kotak mengandungi 90 batang pen yang terdiri daripada pen hitam dan pen merah. Sebatang pen dipilih secara rawak daripada kotak itu. Kebarangkalian memilih sebatang pen hitam ialah  $\frac{2}{3}$ .

Berapakah bilangan pen hitam yang perlu dikeluarkan daripada kotak itu supaya kebarangkalian memilih sebatang pen hitam menjadi  $\frac{1}{2}$ ?

- A 60      C 30  
 B 45      D 15

- 3 There are nine staff in Fast Track Company. Each of four office workers gets a car allowance of RM6 000. Five higher management staff get a car allowance of RM16 000, RM17 000, RM18 000, RM19 000 and RM22 000 respectively. State the median of the car allowance.

Terdapat sembilan orang pekerja di Syarikat Fast Track. Empat orang pekerja pejabat mendapat eluan kereta RM6 000 setiap orang. Lima orang pekerja pengurusan tinggi masing-masing mendapat eluan kereta RM16 000, RM17 000, RM18 000, RM19 000 dan RM22 000.

Nyatakan median bagi eluan kereta.

- A RM6 000      C RM16 500  
 B RM16 000      D RM18 000

- 4 Diagram 1 shows the enrolment fees for a course.

Rajah 1 menunjukkan bayaran penyertaan bagi satu kursus.




Diagram 1 / Rajah 1

The fees for 9 members and 2 non-members are RM700.

Write the equation for the fee of a non-member in terms of the fee of a member.

Bayaran untuk 9 orang ahli dan 2 orang bukan ahli ialah RM700.

Tulis persamaan bagi bayaran untuk seorang bukan ahli dalam sebutan bayaran untuk seorang ahli.

A  $y = \frac{700 - 2x}{9}$

B  $x = \frac{700 - 2y}{9}$

C  $y = \frac{700 - 9x}{2}$

D  $x = \frac{700 - 2y}{2}$

- 5 Factorise completely:

Faktorkan selengkapnya:

$$m^2nx + mn^2y + mx^2y + nxy^2$$

A  $(mn + ny)(mx + xy)$

B  $(mx + ny)(mn + xy)$

C  $(mx + ny)(my + nx)$

D  $(my + ny)(nx + xy)$

- 6 The ratio of an exterior angle to an interior angle of a regular polygon is 1 : 5.

What is the number of sides of the regular polygon?

Nisbah bagi sudut luaran kepada sudut pedalaman sebuah poligon sekata ialah 1 : 5.

Berapakah bilangan sisi poligon sekata itu?

A 9

B 10

C 11

D 12

- 7 A museum is located due southeast of Sekolah Menengah Kebangsaan Lurah Bilut. The bearing of Teacher Ain's house is  $082^\circ$  from the museum and  $113^\circ$  from Sekolah Menengah Kebangsaan Lurah Bilut.

Calculate the bearing of museum from Teacher Ain's house.

Sebuah muzium terletak ke tenggara Sekolah Menengah Kebangsaan Lurah Bilut. Rumah Cikgu Ain berada pada bearing  $082^\circ$  dari muzium dan pada bearing  $113^\circ$  dari Sekolah Menengah Kebangsaan Lurah Bilut.

Hitung bearing muzium dari rumah Cikgu Ain.

A  $082^\circ$

B  $135^\circ$

C  $262^\circ$

D  $292^\circ$

#### Kertas 2

- 1 Solution by matrix method is not allowed to answer this question.

Penyelesaian dengan kaedah matriks tidak dibenarkan untuk menjawab soalan ini.

The total price of 2 toothbrushes brand  $M$  and a toothbrush brand  $N$  is RM11. The difference in the price of 3 toothbrushes brand  $M$  and 2 toothbrushes brand  $N$  is RM6. Find the price of a toothbrush brand  $N$ .

Jumlah harga bagi 2 batang berus gigi jenama  $M$  dan sebatang berus gigi jenama  $N$  ialah RM11. Beza harga antara 3 batang berus gigi jenama  $M$  dan 2 batang berus gigi jenama  $N$  ialah RM6.

Cari harga sebatang berus gigi jenama  $N$ .

- 2 Azizah and Kamaruddin bought coconuts and papayas at a fruit stall. Azizah bought 4 coconuts and 9 papayas for RM74. Kamaruddin bought 2 coconuts and 5 papayas for RM40. By using matrix method, find the prices, in RM, of a coconut and a papaya.

Azizah dan Kamaruddin membeli kelapa dan betik di sebuah gerai buah-buahan. Azizah membeli 4 biji kelapa dan 9 biji betik dengan harga RM74. Kamaruddin membeli 2 biji kelapa dan 5 biji betik dengan harga RM40.

Dengan menggunakan kaedah matriks, cari harga, dalam RM, bagi sebiji kelapa dan sebiji betik.

- 3 Table 1 shows the number of boys and girls in various societies in a school. Jadual 1 menunjukkan bilangan pelajar lelaki dan perempuan dalam pelbagai persatuan di sebuah sekolah.

Society Persatuan	History Sejarah	Mathematics Matematik	Science Sains	English Bahasa Inggeris	Geography Geografi
Boy Lelaki	12	12	13	10	8
Girl Perempuan	9	16	k	15	14

Table 1 / Jadual 1

- (a) If a student is chosen at random from the Mathematics Society, find the probability that a boy is chosen.

Jika seorang pelajar dipilih secara rawak daripada Persatuan Matematik, cari kebarangkalian bahawa seorang pelajar lelaki dipilih.

- (b) If a student is chosen at random from the group of girls, the probability of choosing a girl from the Geography Society is  $\frac{1}{6}$ . Find the value of  $k$ .

Jika seorang pelajar dipilih secara rawak daripada kumpulan perempuan, kebarangkalian memilih seorang perempuan daripada Persatuan Geografi ialah  $\frac{1}{6}$ . Cari nilai  $k$ .

## ANEKA SOALAN KBAT

- 1 Diagram 1 shows a rectangular plot of land  $PQRS$  with straight drain  $AB$ . Given that the area of  $PQRS$  is  $300 \text{ m}^2$ .  
*Rajah 1 menunjukkan sebidang tanah segi empat tepat  $PQRS$  dengan saliran lurus  $AB$ . Diberi luas kawasan  $PQRS$  ialah  $300 \text{ m}^2$ .*




Diagram 1 / Rajah 1

- (a) Show that  $x^2 + 11x - 60 = 0$ .  
*Tunjukkan bahawa  $x^2 + 11x - 60 = 0$ .*
- (b) Hence, find  
*Seterusnya, cari*
  - (i) the value of  $x$ ,  
*nilai bagi  $x$ ,*
  - (ii) the length of  $AB$ .  
*panjang  $AB$ .*

- 2 Diagram 2 shows a square  $PQRS$  of side 10 cm. Point  $A$  and  $B$  lie on side  $QR$  and  $PQ$  respectively such that  $AR = x \text{ cm}$  and  $BQ = 2x \text{ cm}$ .

*Rajah 2 menunjukkan segi empat sama  $PQRS$  dengan panjang sisi 10 cm. Titik  $A$  dan  $B$  masing-masing terletak pada sisi  $QR$  dan  $PQ$  dengan keadaan  $AR = x \text{ cm}$  dan  $BQ = 2x \text{ cm}$ .*




Diagram 2 / Rajah 2

- (a) Show that the area of  $\triangle SAB$ ,  $L \text{ cm}^2$ , is given by function  $L(x) = x^2 - 5x + 50$ .

*Tunjukkan bahawa luas bagi  $\triangle SAB$ ,  $L \text{ cm}^2$ , ditulis sebagai fungsi  $L(x) = x^2 - 5x + 50$ .*

- (b) Find the value of  $x$  such that the area of  $\triangle SAB$  is a minimum and calculate the minimum value of the area.

*Cari nilai  $x$  supaya luas kawasan  $\triangle SAB$  adalah minimum dan hitung nilai minimum kawasan tersebut.*

- 3 Diagram 3 shows a wire of 12 m long is bent to form polygon  $ABCDEFGH$ . The area of the polygon formed is  $5 \text{ m}^2$ .

*Rajah 3 menunjukkan potongan wayar 12 m panjang dibengkokkan menjadi poligon  $ABCDEFGH$ . Luas bagi poligon yang terbentuk ialah  $5 \text{ m}^2$ .*




Diagram 3 / Rajah 3

Find the possible values of  $x$  and the corresponding values of  $y$ .  
*Cari nilai yang mungkin bagi  $x$  dan nilai separan bagi  $y$ .*

- 4 The total amount of money deposited in a fixed deposit account in a Bank  $XYZ$  after a period of  $n$  years is given by  $\text{RM}20\,000(1.04)^n$ . Calculate the number of years needed for the amount of money to exceed RM45 000.  
*Jumlah wang yang didepositkan dalam akaun deposit tetap dalam Bank  $XYZ$  selepas tempoh  $n$  tahun diberi  $\text{RM}20\,000(1.04)^n$ . Hitung bilangan tahun yang diperlukan untuk jumlah wang melebihi RM45 000.*
- 5 Diagram 4 shows a straight road  $AMB$ .

*Rajah 4 menunjukkan sebatang jalan lurus  $AMB$ .*




Diagram 4 / Rajah 4

- (a) Circular boundary ring of 5 units from point  $M$  is formed. Find the equation of the circle.  
*Lingkaran sempadan bentuk bulatan yang berjarak 5 unit dari titik  $M$  dibentuk. Cari persamaan bulatan itu.*
- (b) If the circle on 5(a) passed through point  $A$  and  $B$ . Find  
*Jika bulatan pada 5(a) melalui titik  $A$  dan  $B$ , cari*
  - (i) the value of  $h$ ,  
*nilai bagi  $h$ ,*
  - (ii) the coordinates of point  $B$ .  
*koordinat bagi titik  $B$ .*

(c) Hence, calculate the area in units $^2$ , of triangle  $OAB$ .  
*Seterusnya, hitung luas, dalam unit $^2$ , segi tiga  $OAB$ .*

- 6 Diagram 5 shows a child playing on a carousel.

*Rajah 5 menunjukkan seorang kanak-kanak bermain di atas karousel (pelatar bulatan berpusing).*




Diagram 5 / Rajah 5

Given that the radius of the carousel is 1.2 m, calculate the distance moved when the carousel rotates through 1.3 rad from point  $P$  to point  $Q$ .

*Diberi jejari karousel ialah 1.2 m, hitung jarak putaran apabila karousel berputar melalui 1.3 rad dari titik  $P$  hingga titik  $Q$ .*

- 7 Diagram 6 shows a metal sphere suspended from a string,  $p$  m, in length, oscillating about  $O$  for a period of  $T$  s.  
*Rajah 6 menunjukkan sfera logam yang digantung pada tali,  $p$  m panjang, berayun di  $O$  dengan tempoh  $T$  s.*

## Matematik Tambahan




Diagram 6 / Rajah 6

It is given that  $T = k\sqrt{p}$ , where  $k$  is a constant.  
*Diberi bahawa  $T = k\sqrt{p}$ , dengan keadaan  $k$  ialah pemalar.*

- (a) Express  $p$  in term of  $k$  and  $T$  and hence, find  $\frac{dp}{dT}$  in terms of  $k$  and  $T$ .

*Ungkapkan  $p$  dalam sebutan  $k$  dan  $T$  dan seterusnya, cari  $\frac{dp}{dT}$  dalam sebutan  $k$  dan  $T$ .*

- (b) Find the approximate increase in the period of the oscillation when the length of string is increased from 0.81 m to 0.83 m in term of  $k$ .  
*Cari anggaran peningkatan tempoh ayunan apabila panjang tali bertambah daripada 0.81 m hingga 0.83 m dalam sebutan  $k$ .*

- 8 Mira baked 10 different sizes of cakes. She took 5 minutes to bake the first cake. As the cake sizes varied, she took  $\frac{1}{6}$  more time to bake the other cakes. She was supposed to finish baking all the cakes in 2 hours. Did she successfully make it? Show the calculation to support your answer.

*Mira membuat 10 biji kek yang berbeza saiz. Dia mengambil masa 5 minit untuk membuat kek yang pertama. Oleh sebab kek-kek itu mempunyai saiz yang berbeza, dia mengambil  $\frac{1}{6}$  lebih masa untuk membuat kek yang seterusnya. Sepatutnya, dia menyiapkan kesemua kek itu dalam masa 2 jam. Adakah dia berjaya?*

*Tunjukkan jalan pengiraan untuk menyokong jawapan anda.*

- 9 Diagram 7 shows the dishes available at Pak Din Restaurant.

*Rajah 7 menunjukkan hidangan yang terdapat di Restoran Pak Din.*

Vegetables Sayuran	Meat Daging
Tomato salad	Roasted beef <i>Daging panggang</i>
Salad tomato	Lamb chop <i>Cop kambing</i>
Baked potatoes	Beef steak <i>Stik daging</i>
Kentang bakar	Hawaiian chicken <i>Ayam Hawaii</i>
Pepper corn	
Jagung lada	
Braised cabbage	
Kubis berair	
Boiled broccoli	
Brokoli rebus	

Diagram 7 / Rajah 7

- (a) Find the number of ways to arrange all the dishes on the display rack.

*Cari bilangan cara untuk menyusun semua hidangan di atas rak.*

- (b) If Pak Din decides to display only 7 dishes such that 4 of them are vegetables and the rest are meat, find the number of ways to arrange them.

*Jika Pak Din memutuskan untuk menyediakan hanya 7 hidangan, yang mana 4 daripadanya sayur-sayuran dan selebihnya daging, cari bilangan cara untuk menyusunnya.*

**SKOR**

Oleh Cikgu Adie  
bhskor@bh.com.my

**Sejarah**

**Sasaran:** Kumpulan Sederhana / Cemerlang [Target Cemerlang]  
– Calon Sederhana / Cemerlang

Formula yang Perlu Dikuasai Calon Sederhana / Cemerlang

**Rujuk Soalan (RS) + Fakta + Kata Hubung / Kerja + Huraian Lengkap + Contoh**

**Contoh soalan:**

Jelaskan peranan anda sebagai generasi muda hari ini dalam mengekalkan kemajuan tamadun agama, bangsa dan negara Malaysia seperti yang kita kecapi kini. [10 markah]

**Rangka Jawapan:**

- F1 Berpegang teguh ajaran agama
- F2 Mengukuhkan semangat jati diri
- F3 Mengamalkan budaya bangsa
- F4 Mengeratkan perpaduan
- F5 Saling bekerjasama
- F6 Memelihara jati diri
- F7 Menguasai ilmu pengetahuan
- F8 Menguasai segala bidang kemahiran
- F9 Menghindari budaya negatif
- F10 Menghormati pemimpin negara

**Cara Melengkapkan Ayat**

Rujuk soalan	Fakta	Kata hubung / kata kerja yang sesuai	Huraian lengkap	Contoh
(1)	(2)	(3)	(4)	(5)
✓ Ambil sedikit perkataan daripada soalan yang dikemukakan.	✓ Masukkan F1	Masukkan perkataan yang sesuai, antaranya: ✓ Dan ✓ Juga ✓ Agar ✓ Supaya ✓ Serta ✓ Melalui	Berikan SATU atau DUA contoh yang difikirkan sesuai dan relevan [berkaitan dengan Malaysia kini]. ✓ seperti ✓ misalnya ✓ contohnya	Antara peranan saya ialah berpegang teguh ajaran agama supaya saya tidak terlibat dalam kegiatan yang tidak baik seperti ✓ merompak. Saya juga perlu mengukuhkan semangat jati diri saya supaya saya ✓ boleh mempertahankan negara saya daripada ✓ ancaman musuh.

Penanda Wacana Umum
Gunakan Penanda Wacana yang difikirkan sesuai. ✓ Selain itu ✓ Seterusnya ✓ Di samping itu ✓ Juga ✓ Selepas itu ✓ Akhirnya

**Jawapan lengkap:**

Antara peranan saya dalam mengekalkan kemajuan tamadun agama, bangsa dan negara Malaysia ialah saya perlu ✓ berpegang teguh kepada ajaran agama untuk mengelakkan saya daripada ✓ terlibat dalam pelbagai kegiatan negatif yang ✓ mampu merosakkan diri saya sebagai ✓ seorang warganegara yang baik seperti terlibat dalam kegiatan ✓ merompak, menganut ajaran sesat dan pelbagai gejala sosial yang tentunya menjadi musuh negara saya.

Saya juga perlu ✓ mengukuhkan semangat jati diri saya dengan ✓ memupuk semangat cinta akan negara supaya saya ✓ boleh mempertahankan negara saya daripada ✓ ancaman musuh.

Selain itu, saya juga perlu ✓ mengeratkan perpaduan dengan cara ✓ hidup saling menghormati dan ✓ bekerjasama antara satu sama lain kerana saya percaya ✓ negara yang aman dan ✓ masyarakat yang hidup harmoni adalah ✓ tunjang kekalnya tamadun bangsa serta negara.

Saya juga perlu ✓ menguasai ilmu pengetahuan dengan ✓ belajar bersungguh-sungguh supaya saya ✓ dapat berbakti kepada negara saya. Ini kerana saya yakin bahawa warganegara berilmu pengetahuan tinggi merupakan ✓ aset penting kepada sebuah negara. Saya juga perlu ✓ menguasai segala bidang kemahiran kerana apabila saya bekerja saya mahu ✓ menjadi pekerja yang pakar dan mahir.

Seterusnya, saya perlu ✓ menghormati pemimpin negara supaya ✓ dunia luar tidak memandang rendah kepada negara saya. Saya yakin bahawa pemimpin negara yang dihormati dunia mampu ✓ meningkatkan imej negara di mata dunia sejagat.

*Maksimum 10 markah*

**Sasaran:** Kumpulan Harlus [Target Lulus] – Calon Lemah

Formula yang Perlu Dikuasai Calon Lemah

**Rujuk Soalan (RS) + Fakta + Kata Hubung / Kerja + Huraian Ringkas + Contoh**

Rujuk soalan	Fakta	Kata hubung / kata kerja yang sesuai	Huraian lengkap	Contoh
(1)	(2)	(3)	(4)	(5)
✓ Ambil sedikit perkataan daripada soalan yang dikemukakan.	✓ Masukkan F1	Masukkan perkataan yang sesuai, antaranya: ✓ Dan ✓ Juga ✓ Agar ✓ Supaya ✓ Serta ✓ Melalui	✓ Huraikan secara ringkas / selapis untuk melengkappkan fakta anda. ✓ Cukup sekadar melengkappkan ayat.	Berikan SATU atau DUA contoh yang difikirkan sesuai dan relevan [berkaitan dengan Malaysia kini]. ✓ Seperti ✓ misalnya ✓ contohnya
Antara peranan saya ialah berpegang teguh ajaran agama	supaya	tidak terlibat kegiatan tidak baik	seperti	

**Jawapan lengkap:**

Antara peranan saya ialah saya perlu ✓ berpegang teguh kepada ajaran agama supaya saya ✓ tidak terlibat dalam kegiatan yang tidak baik seperti ✓ merompak. Saya juga perlu mengukuhkan semangat jati diri saya supaya saya ✓ boleh mempertahankan negara saya daripada ✓ ancaman musuh.

Selain itu, saya juga perlu ✓ mengeratkan perpaduan dengan cara ✓ hidup saling menghormati dan ✓ bekerjasama antara satu sama lain kerana saya percaya ✓ negara yang menguasai ilmu pengetahuan dengan ✓ belajar bersungguh-sungguh supaya saya ✓ dapat berbakti kepada negara saya.

Seterusnya, saya perlu ✓ menghormati pemimpin negara supaya ✓ dunia luar tidak memandang rendah kepada negara saya. Saya juga perlu ✓ menguasai segala bidang kemahiran kerana apabila saya bekerja saya mahu ✓ menjadi pekerja yang pakar dan mahir.

*Maksimum 10 markah*

**Latihan**

**ARAHAN:** Jawab soalan-soalan berikut menggunakan contoh di atas.

- Apakah nilai-nilai akhlak Islam yang boleh diamalkan untuk membentuk keharmonian masyarakat? [10 markah]
- Pada pendapat anda, bagaimanakah kegiatan pertanian mampu menyumbang kepada kemajuan ekonomi negara kita? [6 markah]
- Berdasarkan pemerhatian anda, apakah kepentingan perlembagaan kepada rakyat pelbagai kaum di Malaysia? [6 markah]
- Sebagai seorang pelajar, apakah tanggungjawab anda bagi merealisasikan Wawasan 2020? [6 markah]
- Berdasarkan pengetahuan anda, apakah sumbangan tamadun Hwang Ho yang boleh dicontohi oleh masyarakat Malaysia hari ini? [10 markah]
- Slogan "Pertanian adalah Perniagaan" memang ada kebenarannya. Situasi yang membolehkan aktiviti pertanian menjadi satu perniagaan boleh terjadi apabila pengeluaran hasil pertanian melebihi keperluan sara diri, malahan telah dapat memberi keuntungan kepada pengusaha. Buktikan. [10 markah]



**SKOR**

Oleh M Syamil  
bhskor@bh.com.my

**Pendidikan Islam****ULANG KAJI MENJAWAB SOALAN KBAT****Panduan menjawab soalan KBAT**

Kertas soalan Pendidikan Islam dalam Peperiksaan SPM mengandungi beberapa soalan berbentuk Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT). Calon-calon yang akan menduduki peperiksaan tersebut hendaklah menggunakan teknik yang betul dalam mengemukakan jawapan kepada soalan berbentuk KBAT. Soalan-soalan KBAT yang telah dikeluarkan dalam kertas Pendidikan Islam yang lalu mungkin tidak akan berulang. Oleh itu, calon-calon mestilah menguasai teknik-teknik mengemukakan jawapan yang baik agar mendapat markah penuh. Siri kali ini akan membimbing calon yang akan menghadapi peperiksaan kertas Pendidikan Islam untuk mendapat markah penuh melalui teknik dan panduan menjawab soalan KBAT. Antara panduan tersebut ialah:

1. Baca dan fahami maklumat atau stimulus yang dikemukakan dalam item atau soalan. Stimulus ialah suatu maklumat yang berbentuk teks seperti ayat al-Quran, hadis, peribahasa atau grafik yang menjadi fokus kepada situasi tugas kepada calon.
2. Respons atau jawapan yang dikemukakan mestilah dalam bentuk huraiyan yang jelas dan matang yang relevan dengan maklumat tersebut.
3. Calon dicadangkan menggunakan penanda wacana yang sesuai, unsur bahasa yang bervariasi dan ungkapan yang menarik dalam mengemukakan jawapan.
4. Calon boleh mengolah jawapan dengan menggunakan ungkapan yang menarik seperti peribahasa, bidaan, kata-kata hikmah, petikan ayat al-Quran atau hadis sebagai kesimpulan dalam jawapan.

**Soalan serta jawapan contoh:**

- 1 Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud;

*Abu Hurairah r.a. berkata Rasulullah SAW telah bersabda: Janganlah kamu Dengki-mendengki, jangan tipu-menipu, jangan benci-membenci, jangan berpaling muka dan jangan berjual beli atas jualan orang lain. Jadilah kamu hamba Allah yang bersaudara. Orang Islam dengan orang Islam bersaudara. Mereka tidak boleh menzalimi, tidak boleh membiarkannya dalam kehinaan, tidak boleh membahonginya dan menghina sesama Islam. Takwa itu di sini, kata Nabi SAW sambil menunjuk ke dadanya tiga kali. Memadai seseorang itu dianggap jahat apabila dia menghina saudaranya. Setiap orang Islam ke atas orang Islam lain haram darah, harta dan kehormatannya.*

Hadir di atas menjelaskan tentang sifat-sifat yang menghalang perpaduan dalam Islam.

Berdasarkan kefahaman hadis di atas,

- (i) Huraikan hujah anda mengapa kita diwajibkan saling mengasihi sesama umat Islam.
- (ii) Terangkan bagaimana sifat-sifat yang negatif seperti kefahaman hadis di atas akan membawa perpecahan umat Islam dalam negara.

**Teknik menjawab:**

Calon perlu mengenal pasti **kata tugas** yang digunakan dalam item atau soalan agar respons atau jawapan yang dikemukakan menepati kehendak soalan.

**Soalan nombor 1 (i), kata tugas** yang digunakan ialah **huraikan hujah** anda **mengapa**. Calon perlu memperbaikkan atau menceritakan sesuatu dengan terperinci serta menyatakan sebab atau fakta untuk menyokong jawapan yang dikemukakan.

<b>Rubrik penskoran</b>	
<b>Deskriptor</b>	<b>Skor</b>
① Mengemukakan hujah sahaja	1 markah
② Mengemukakan hujah dan huraian ringkas	2 markah
③ Menyatakan hujah, huraian lengkap serta contoh yang menyokong hujah yang dikemukakan	3 markah
④ Menyatakan hujah, huraian lengkap serta contoh yang menyokong hujah yang dikemukakan	4 markah
⑤ Mengemukakan jawapan yang jelas serta menarik	

**Soalan nombor 1 (ii), kata tugas** yang digunakan ialah **terangkan bagaimana**. Calon perlu menyatakan fakta dengan sokongan serta memperbaikkan atau menerangkan bagaimana sifat-sifat yang negatif seperti kefahaman hadis di atas akan membawa perpecahan umat Islam dalam negara.

<b>Rubrik penskoran</b>	
<b>Deskriptor</b>	<b>Skor</b>
① Mengemukakan sifat-sifat negatif sahaja	1 markah
② Mengemukakan sifat-sifat negatif serta huraian ringkas	2 markah
③ Menyatakan sifat-sifat negatif, huraian lengkap serta contoh yang menyokong fakta yang dikemukakan	3 markah
④ Menyatakan sifat-sifat negatif, huraian lengkap serta contoh yang menyokong fakta yang dikemukakan	4 markah
⑤ Mengemukakan jawapan yang jelas atau memberi jawapan dalam bentuk olahan yang menarik	

Jawapan contoh;

- No. 1 (i)

**Contoh jawapan pertama:**  
Kita diwajibkan saling mengasihi sesama umat Islam kerana umat Islam mempunyai pegangan akidah yang sama tanpa mengira kedudukan pangkat, keturunan dan harta. Walau pun umat Islam dari pelbagai negara, bangsa dan warna kulit, mereka tetap bersaudara. Menyikap peristiwa hijrah Rasulullah SAW, baginda telah mempersaudarakan penduduk asal Madinah (Ansar) dan Muhajirin. Asas persaudaraan yang diterapkan oleh baginda Rasulullah SAW pada awal perkembangan Islam ini telah membawa kepada kecermerlangan kerajaan Islam. Oleh itu, jelas sekali hadis di atas bertepatan bahawa umat Islam wajib saling mengasihi agar mendapat rahmat dan dipandang tinggi oleh orang bukan Islam.

**Contoh jawapan kedua:**  
Umat Islam diperintahkan untuk saling mengasihi sesama mereka kerana orang yang beriman bersaudara antara satu sama lain. Apabila kita menjaga hubungan persaudaraan dan saling mengasihi sesama kita, kita akan mendapat rahmat daripada Allah SWT dan memperoleh kebahagiaan di dunia dan akhirat. Di samping itu, orang yang sentiasa mengamalkan sikap tersebut akan bersama-sama meningkatkan keimanan dan ketakwaan terhadap Allah SWT. Oleh itu, kita hendaklah sentiasa mengamalkan sikap saling mengasihi antara satu sama lain sesama umat Islam dalam kehidupan sehari-hari agar memperoleh keberkatan dan dipandang tinggi oleh orang bukan Islam.

**No. 1 (ii)****Contoh jawapan pertama:**

Sifat negatif seperti yang digariskan dalam hadis di atas, antaranya ialah dengki-mendengki boleh membawa kepada perpecahan umat Islam dalam negara. Sebagai contoh, orang yang dengki dengan kebahagiaan hidup orang lain, akan berusaha menyebarkan fitnah memburukkan kebahagiaan orang tersebut agar kebahagiaan itu musnah. Sifat tersebut akan merenggangkan hubungan silaturahim antara umat Islam dalam masyarakat dan negara. Apabila wujudnya sifat negatif seperti itu, akan menimbulkan suasana saling tidak mempercayai antara satu sama lain. Seterusnya akan membawa kepada dendam-mendam terhadap kelebihan orang lain dan akhirnya membawa kepada perpecahan dalam kalangan umat Islam.

**Contoh jawapan kedua:**

